

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

350 kes pulih tertinggi sejak wabak melanda

KKM kesan enam kluster baharu, 660 jangkitan termasuk 40 kes warga asing

Oleh Latifah Arifin dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Walaupun jumlah kes positif COVID-19 kekal tinggi dengan 660 kes baharu semalam, kes pulih juga mencatat rekod apabila 350 kes pulih dilaporkan semalam, sekali gus menjadi jumlah terbesar kes sembuh yang pernah dilaporkan sejak penularan wabak di negara ini.

Ini menjadikan jumlah kes pulih di negara ini 11,372 kes bersamaan 67.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada 660 kes baharu semalam, 658 kes adalah penularan dalam negara membabitkan 618 kes warga tempatan dan 40 kes warga asing.

Katanya, 443 kes dilaporkan di Sabah, manakala 76 kes di Selangor; Kedah pula 60 kes daripada Kluster Tembok; Pulau Pinang (23), Wilayah Persekutuan Labuan (18), Perak (16), Johor (10),

Kuala Lumpur (sembilan), Negeri Sembilan (dua) dan Pahang (satu).

"Dua kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara pula membabitkan dua bukan warganegara, iaitu dari India yang dilaporkan di Labuan dan satu dari Nepal yang dilaporkan di Kuala Lumpur," katanya pada sidang media secara maya menerusi laman Facebook Kementerian Kesihatan (KKM), semalam.


Ini menjadikan jumlah positif COVID-19 dalam negara sebanyak 16,880 kes serta jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan COVID-19 sebanyak 5,345.

Selain itu, daripada maklumat terkini yang dilaporkan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC), ada empat kes kematian berkaitan COVID-19 semalam.

Ini menjadikan jumlah kumulatif kematian sebanyak 163 kes atau 1.0 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham berkata, semua kes kematian semalam dilaporkan di Sabah. Dua kes kematian dilaporkan di Hospital Duchess of Kent, masing-masing membabitkan seorang wanita berusia 84 tahun yang mempunyai penyakit darah tinggi dan dislipidemia serta seorang lelaki berusia 83 tahun yang mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi, kencing manis dan dislipidemia.

Satu kematian dilaporkan di Hos-



Kakitangan KKM dalam operasi mengengkang penularan pandemik COVID-19 di Penjara Reman Pulau Pinang, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

pital Semporna membabitkan wanita bukan warganegara berusia 36 tahun dengan penyakit tuberkulosis dan satu lagi kematian ialah lelaki berusia 59 tahun di Hospital Tawau yang mempunyai penyakit buah pinggang kronik.

Dr Noor Hisham berkata, hingga kini ada 101 kes positif COVID-19 yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 32 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Sementara itu, KKM mengesan enam lagi kluster baharu semalam, iaitu empat kluster di Sabah dan masing-masing satu kluster di Selangor dan Pulau Pinang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kluster yang aktif di seluruh negara adalah sebanyak 70.

Empat kluster dikenal pasti di Sabah adalah Kluster Semarak, Kluster Bina, Kluster Sabindo dan Kluster Bestari, manakala Kluster Bah Kenangan dan Kluster Penjara Jawi masing-masing di Selangor dan Pulau Pinang.

Kluster Semarak dikenal pasti di daerah Tawau, Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (kes ke-12,200) dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu

bergejala pada 3 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth. Saringan kontak rapat mengenal pasti 13 lagi kes positif.

Bagi Kluster Bina yang dikenal pasti di Beaufort, Sabah, kes indeks kluster itu (kes ke-15,575) di kesan positif COVID-19 hasil saringan kemasukan ke Hospital Sipitang pada 10 Oktober.

Kes itu dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth dan saringan kontak rapat mengesan 13 lagi kes positif. Bagi Kluster Sabindo di Tawau, kes indeks (kes ke-11,897) di kesan positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 3 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Tawau, manakala saringan kontak rapat mengesan 13 lagi kes positif COVID-19.

Kluster Bestari yang di kesan di Sandakan, kes indeks (kes ke-14830) di kesan positif hasil saringan individu bergejala pada 10 Okt dan dimasukkan ke Hospital Duchess of Kent, Sandakan.

Saringan kontak rapat mengenal pasti 18 lagi kes positif COVID-19 hingga 12 tengah hari semalam.

Memperincikan Kluster Bah Kenangan membabitkan daerah

Hulu Langat, Dr Noor Hisham berkata, kes indeks kluster (kes ke-11,802) dikenal pasti positif hasil saringan pulang dari Kawasan Berisiko Tinggi (Sabah) pada 2 Oktober dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Hasil saringan kontak rapat mengenal pasti 17 lagi kes positif COVID-19, menjadikan jumlah 18 kes bagi kluster itu.

Kluster Penjara Jawi di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang, pula membabitkan tiga tahanan yang di kesan positif COVID-19 hasil saringan kemasukan dari Penjara Reman Timur Laut pada 11 Oktober.

Ketiga-tiga tahanan itu tidak bergejala dan dimasukkan ke Pusat Rawatan Berisiko Rendah, katanya.

Selain kluster itu, terdapat 21 kluster yang mencatat pertambahan kes baharu semalam, antaranya Kluster Tembok merekodkan 76 kes, Kluster Benteng LD (23 kes), Kluster Penjara Reman (18 kes), Kluster Bah Tropicana (12 kes) dan Kluster Simera (11 kes) manakala Kluster Jalan Meru, Kluster Utama serta Kluster Kau Sing masing-masing tujuh kes.

PKPB seimbangkan antara kesihatan, ekonomi

Kuala Lumpur: Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) membenarkan ekonomi dan rantaian bekalan diteruskan walaupun terdapat sekatan pada sektor sosial dan pendidikan, kata Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

Bagaimanapun, Dr Noor Hisham mengakui usaha untuk melindungi serta mencapai keseimbangan antara kesihatan dan ekonomi berikutan COVID-19 adalah satu cabaran.

"(Akan tetapi) kehilangan keseimbangan antara kesihatan dan

ekonomi bermaksud ia berisiko terhadap kehilangan nyawa dan mata pencarian.

"PKPB membolehkan ekonomi dan rantaian bekalan diteruskan tanpa gangguan, tetapi sekatan dikenakan ke atas sektor sosial dan pendidikan.

"PKPB tidak akan mengganggu sektor ekonomi dan rantaian bekalan untuk terus beroperasi di Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Sabah.

"PKPB membenarkan ekonomi dan rantaian bekalan untuk terus beroperasi tanpa gangguan, ha-

nya sekatan terhadap sektor sosial dan pendidikan dilaksanakan," katanya menerusi kiriman di Facebook dan Twitter semalam.

Kelmarin, kerajaan mengumumkan pelaksanaan PKPB di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya, bermula tengah malam tadi hingga 27 Oktober ini berikutan peningkatan kes COVID-19.

Selain itu, pelaksanaan PKPB di seluruh Sabah pula dikuatkuasakan semalam hingga 26 Oktober ini.

PKPB bolehkan ekonomi dan rantaian bekalan diteruskan tanpa gangguan, tetapi sekatan dikenakan ke atas sektor sosial dan pendidikan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

Keputusan itu dibuat dalam Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, selepas mendengar nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Semalam, sebanyak 660 kes baharu dilaporkan membabitkan 658 kes penularan tempatan dan dua kes import.

Jumlah kumulatif kes COVID-19 di negara ini hingga semalam sebanyak 16,880 kes dengan jumlah kes aktif dengan kebolehhajatan 5,345 kes.

AKHBAR : HARIAN METRO
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : COVID-19

PKP BERSYARAT WP KUALA LUMPUR, SELANGOR & WP PUTRAJAYA
 14 HINGGA 27 OKTOBER 2020

AKTIVITI EKONOMI DALAM KAWASAN PKPB

- Semua aktiviti perniagaan, ekonomi dan industri **boleh beroperasi**.
- Restoran, kedai / gerai makan, kenderaan bersaji (*food truck*), penjaja tepi jalan, penjaja beredat, medan selera / pusat penjaja, gerai makan tepi jalan / kiosk, kedai runcit dan kedai serbaneka **dibenarkan beroperasi** antara 6.00 pagi hingga 10.00 malam.
- Pembelian makanan digalakkan secara **pandu lalu, penghantaran (delivery)** atau **take-away** sahaja. Walaubagaimanapun makan dipremis makanan (*dine in*) adalah **dibenarkan** namun ianya terhad kepada **2 orang 1 meja** dengan pematuan SOP Sektor Makanan.
- Operasi pasar harian adalah antara **6.00 pagi hingga 2.00 petang** sahaja.
- Operasi pasar borong adalah antara **4.00 pagi hingga 2.00 petang** sahaja.
- Operasi pasar tani adalah antara **6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari**.
- Operasi pasar malam adalah antara **4.00 petang hingga 10.00 malam**. Walaubagaimanapun operasi pasar tani dan pasar malam perlu mematuhi SOP ketat yang telah pun ditetapkan dan perlu dengan pengawasan anggota RELA.
- Waktu operasi Stesen Minyak adalah antara **6.00 pagi hingga 10.00 malam** (kecuali pengoperasian Stesen Minyak di lebuh raya dibenarkan beroperasi 24 jam).
- Perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas henti-henti, bas Ekspres, LRT, teksi/ e-hailing **dibenarkan beroperasi**. Perkhidmatan teksi/ e-hailing, (maksimum hanya 2 orang penumpang) dan penghantaran makanan dibenarkan beroperasi dari jam **6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam**.
- Bagi kenderaan yang membawa pekerja, mereka **boleh membawa penumpang** seperti yang telah ditetapkan sebelum ini.

PERUBATAN DAN KESIHATAN

- Waktu operasi klinik dan hospital kerajaan dan swasta **dibenarkan secara 24 jam**.
- Farmasi dan kedai menjual ubat-ubatan beroperasi mulai **8.00 pagi hingga 11.00 malam**.

SEKTOR EKONOMI DAN INDUSTRI

- Aktiviti sektor ekonomi dan industri di kawasan PKPB **berjalan seperti yang ditetapkan** dengan pematuan SOP yang telah ditetapkan.
- Semua kenderaan berkaitan industri, perniagaan, perkilangan yang **dibenarkan boleh beroperasi** seperti biasa termasuk merentas daerah dan negeri.

PERIKANAN, PERLADANGAN DAN PERTANIAN

- Sektor perikanan, perladangan, pertanian, penternakan dan semua yang berkaitan dengan rantaian makanan **dibenarkan beroperasi**.

PELABUHAN DAN LAPANGAN TERBANG

- Aktiviti dan perkhidmatan di semua lapangan terbang dan pelabuhan **dibenarkan beroperasi**.

PENDIDIKAN

- Institut Pengajian Tinggi Awam & Swasta, Institut Latihan Kemahiran, sekolah, tadika, taska, pusat tahfiz dan pusat jagaan kanak-kanak **ditutup** dalam tempoh ini. Walaubagaimanapun bagi pelajar sekolah, IPTA, IPTS yang mengambil peperiksaan dengan institusi pengajian luar negara, mereka **dibenarkan untuk hadir menduduki peperiksaan** sahaja dan bukan untuk sesi pembelajaran.

AKTIVITI KEAGAMAAN

- Mesyuarat bersetuju menandatangani bagi mengimarahkan **masjid untuk membenarkan azan dan mendirikan solat lima waktu** dengan kehadiran **6 orang Jemaah** yang ditentukan oleh jawatankuasa masjid termasuk Imam.
- Manakala pengurusan dan petugas di semua rumah ibadat **bukan Islam dibenarkan seramai 6 orang sahaja**. Walaubagaimanapun cadangan ini akan dibawa kepada JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor untuk dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor untuk diperkenalkan. Keputusan lanjut akan diumumkan oleh JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri Selangor dalam masa terdekat.

AKTIVITI RIADAH, REKREASI DAN BUDAYA

- Semua aktiviti riadah, rekreasi dan budaya adalah **tidak dibenarkan**.
- Aktiviti hiburan termasuk **klub malam atau pub, pusat rekreasi, taman tema, indoor playground dan panggung wayang adalah tidak dibenarkan**.

AKTIVITI SUKAN

- Aktiviti sukan secara individu, e-sports, sukan yang tidak bersentuhan dan sukan outdoor yang tidak melebihi **10 orang adalah dibenarkan**.
- Aktiviti kolam renang, bersentuhan fizikal, sukan bertempur dan penganjur sukan/kejujutan **tidak dibenarkan**.
- Acara dan pertandingan sukan dengan kehadiran penonton, dan acara dan pertandingan sukan yang melibatkan peserta dari luar negeri **tidak dibenarkan**.
- Bagi program latihan berpusat yang sedang dilaksanakan oleh Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri-negeri **boleh diteruskan** secara *Quarantine Based Approach* seperti yang dilaksanakan di Kompleks Majlis Sukan Negara Bukit Jalil dan Keramat, Akademi Badminton Malaysia Bukit Kiara dan Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Kg Pandan.

SEMINAR / BENGKEL / PERSIDANGAN

- Seminar/Bengkel/Kursus/Latihan/Persidangan/Ceramah dan aktiviti berkaitan dengan *Meeting, Incentives, Conventions and Exhibitions (MICE)* **tidak dibenarkan**.
- Latihan dalam perkhidmatan yang sedang berjalan boleh dilaksanakan hanya dalam kawasan latihan sahaja.

MESYUARAT

- Mesyuarat perlu diadakan secara **sidang video** manakala mesyuarat secara bersemuka adalah **tidak digalakkan**.

PENGANJURAN MAJLIS KERAMAIAAN

- Majlis Rasmi dan Tidak Rasmi Kerajaan dan Swasta, Majlis Sosial seperti kenduri, kendara, majlis perkahwinan dan pertunangan, majlis aqiqah, doa selamat, hari, sambutan ulang tahun, sambutan hari kelahiran, reunion dan lain-lain majlis sosial adalah **tidak dibenarkan**.

PELANCONGAN

- Semua aktiviti pelancongan ke luar kawasan PKPB dan ke dalam kawasan PKPB adalah **tidak dibenarkan**.



KEADAAN jalan raya lengang disebabkan orang ramai mematuhi SOP menjelang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Jalan Tuanku Abdul Rahman, malam tadi.

Oleh Suraya Roslan dan Raja Noraina Raja Rahim
 am@hmetro.com.my
 Kuala Lumpur

6 kluster baharu

Empat di Sabah, satu di Selangor, Pulau Pinang

Enam kluster baharu dikenal pasti iaitu empat di Sabah dan masing-masing satu di Selangor serta Pulau Pinang, semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, empat kluster di Sabah itu membabitkan Kluster Semarak, Kluster Bina, Kluster Sabindo dan Kluster Bestari.

Menurutnya, kluster baharu lain iaitu Kluster Bah Kenangan dikesan di daerah Hulu Langat, Selangor dan Kluster Penjara Jawi dikenal pasti di Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang.

"Bagi Kluster Semarak, ia membabitkan kes ke-12,200 dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 3 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth (Kota Kinabalu).

"Saringan kontak rapat mengenal pasti 13 individu lagi positif Covid-19 manakala 19 individu disaring," katanya.

Katanya, Kluster Bina di-

kenal pasti di Beaufort, Sabah membabitkan kes indeks (kes ke-15,575) positif Covid-19 hasil saringan kemasyarakatan ke Hospital Sipitang pada 10 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth dan saringan kontak rapat mengesan 13 lagi kes positif.

"Kluster Sabindo di Tawau pula membabitkan kes indeks bagi kes ke-11,897 yang dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 3 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Tawau manakala saringan kontak rapat mengesan 13 lagi kes positif.

"Bagi Kluster Bestari pula dikenal pasti di Sandakan membabitkan kes indeks (kes ke-14890) positif Covid-19 hasil saringan individu bergejala pada 10 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Du-

chess of Kent, Sandakan. Saringan kontak rapat mengenal pasti 18 lagi kes positif Covid-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes indeks bagi Kluster Bah Kenangan (iaitu kes ke-11,802) dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan pulung dari Kawasan Berisiko Tinggi (Sabah) pada 2 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh.

Katanya, saringan kontak rapat mengenal pasti 17 lagi individu positif Covid-19.

"Bagi Kluster Penjara Jawi, tiga tahanan dikenal pasti positif Covid-19 hasil saringan kemasukan dari Penjara Reman Timur Laut pada 11 Oktober lalu.

"Mereka tidak bergejala dan dimasukkan ke Pusat Rawatan Berisiko Rendah," katanya.

Kuala Lumpur: Pengembara yang tiba dari Sabah diwajibkan menjalani saringan kesihatan Covid-19 di Pintu Masuk Antarabangsa dan Domestik.

Mereka juga akan diberikan Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) selama 14 hari dari tarikh ketibaan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pengembara yang tiba dari Sabah akan dipakaikan gelang (*wristband*) dan perlu memantau kesihatan sendiri menggunakan *Home Assessment Tool (HAT)* dalam aplikasi MySejahtera.

"Langkah ini bermula 11 Oktober sehingga suatu tarikh yang akan diberitahu kelak be-

Pengembara dari Sabah wajib jalani saringan Covid-19

rikutan ada 394 kes positif Covid-19 membabitkan pengunjung dengan sejarah perjalanan pulung dari Sabah sejak 22 September lalu," katanya.

Noor Hisham berkata, daripada jumlah itu 228 kes (57.9 peratus) membabitkan pengunjung yang tiba sebelum 27 September manakala 166 kes pengunjung tiba selepas 27 September.

"Secara keseluruhan sehingga 13 Oktober, 18,478 individu dengan sejarah perjalanan pulung dari Sabah di-

saring di semua pintu masuk antarabangsa dan domestik.

"Sehingga kini ada 23 kluster di seluruh Malaysia yang disebabkan kes indeks mempunyai sejarah perjalanan pulung dari Sabah.

"Walaupun KKM melaksanakan saringan Covid-19 kepada semua pengunjung dari Sabah sejak 27 September lalu dan mengeluarkan HSO sehingga keputusan ujian negatif dimaklum, kes dan kluster berkaitan kelompok ini masih dilaporkan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kosmo/ RABU 14 OKTOBER 2020


Negara!

5

Covid-19 #kitamestimenang





Pecahan kes harian mengikut negeri



Kawasan zon merah dan kuning

Bilangan kes harian dan kes pulih



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NEGARA

Kosmo/RABU 14 OKTOBER 2020

Jururawat diganggu pesakit Covid-19 gila seks

MELAKA – Seorang jururawat menempuh detik hitam apabila menjadi mangsa gangguan seksual seorang pesakit Covid-19 yang sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi, Hospital Melaka di sini pada Sabtu lalu.

Satu sumber berkata, kejadian tersebut terbongkar selepas mangsa yang berusia 30 tahun membuat laporan polis.

Katanya, dalam kejadian itu, suspek berusia 60 tahun yang dimasukkan ke hospital berkenaan kerana positif Covid-19 mengeluarkan kata-kata lucah kepada mangsa.

Ketika kejadian, mangsa sedang bertugas dan mengambil darah pesakit di wad berkenaan.

“Semasa kejadian, warga emas itu sedang berbual dengan seorang wanita dipercayai isterinya sebelum mengeluarkan kata-kata lucah terhadap mangsa.

“Selepas menamatkan panggilan, pesakit itu meminta melihat kondom kateter pada tiub kencing dan memegang alat sulitnya untuk memasang alat tersebut,” katanya.

Kondom kateter ialah alat yang dipasang pada kemaluan lelaki bagi mengalirkan air kencing keluar.

Mangsa yang ketakutan enggan mengikut permintaan dan meminta warga emas itu memasukkannya sendiri sebelum beredar.

Sementara itu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah negeri, Asisten Komisioner Mohd. Nor Yhazid Idris mengesahkan menerima laporan tersebut.

Dalam pada itu, Pengarah Kesihatan Melaka, Datuk Dr. Ismail Ali berkata, siasatan dalam sedang dijalankan secara komprehensif.

“Pihak kami akan memberi kerjasama kepada polis untuk membantu siasatan,” katanya.



Di Hospital Melaka inilah seorang jururawat diganggu oleh seorang pesakit positif Covid-19 pada Sabtu lalu.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

SINAR HARIAN • RABU 14 OKTOBER 2020

MEMERANGI WABAK COVID-19



660 kes baharu positif

Empat kematian turut dilaporkan CPRC semalam

TUAN BUQHAIRAH
TUAN MUHAMMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Terdapat 660 kes baharu positif coronavirus (Covid-19) dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, dua merupakan kes import, manakala 658 lagi adalah penularan dalam negara.

"Ya menjadikan jumlah keseluruhan kes positif sebanyak 16,880 kes dengan 5,345 kes aktif.

"Sementara itu, Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat (CPRC) Kebangsaan menerima laporan empat

kes kematian berkaitan Covid-19 dengan jumlah kumulatif kes kematian meningkat kepada 163 kes.

"Ya melibatkan dua lelaki dan dua wanita yang berumur antara 36 hingga 84 tahun. Semua kes di rawat di hospital di Sabah mempunyai latar belakang penyakit lain seperti darah tinggi dan buah pinggang kronik," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar secara maya mengenai perkembangan Covid-19 semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, Sabah kekal negeri tertinggi merekodkan kes baharu dengan 443 diikuti Selangor (76), Kedah (60), Pulau Pinang (23), Labuan (18) dan Perak (16).

"Kuala Lumpur mencatat sembilan kes, Negeri Sembilan dua kes dan Pahang satu kes," katanya.

Sementara itu, katanya, enam



DR NOOR HISHAM

kluster baharu Covid-19 dikenalpasti semalam melibatkan tiga negeri iaitu Sabah, Selangor dan Pulau Pinang.

"Di Sabah, empat kluster dikesan iaitu Kluster Semarak dan Sabindo di Tawau, Kluster Bina di Beaufort serta Kluster Bestari di Sandakan.

"Di Selangor, Kluster Bah Kenangan dikenalpasti di Hulu Langat selepas kes indeks iaitu kes ke-11,802 yang pulang dari Sabah disahkan positif pada 2 Oktober," katanya.

Menurutnya, Kluster Penjara Jawi dikenal pasti di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang.

Dalam perkembangan sama, Dr Noor Hisham berkata, sejak 22 September lalu, 394 kes positif dikesan melibatkan individu yang mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah.

KKM tegur rakyat 'lari' PKPB

PUTRAJAYA - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menegur sikap sesetengah individu yang melarikan diri dan keluarga daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dengan pulang ke kampung.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, PKPB adalah untuk memastikan rakyat duduk di rumah bagi memutuskan rantaian penularan coronavirus (Covid-19).

"Bahaya pulang ke kampung kerana kita tidak pasti sama ada kita pembawa virus tersebut atau tidak," katanya.

Menurutnya, orang tua lebih terkesan dengan pandemik itu sepatutnya dilindungi daripada dijangkiti Covid-19.

"Adalah tanggungjawab kita bersama untuk pastikan tidak bawa virus ini ke kampung," katanya sebagai mengulas tindakan segelintir pihak yang mengambil kesempatan untuk pulang ke kampung bagi 'melarikan diri' daripada PKPB yang bermula tengah malam tadi.


Beliau berkata, individu yang telah pulang ke kampung perlu berada di dalam rumah bagi memastikan matlamat memutuskan rantaian Covid-19 dapat dicapai.

"Pelaksanaan PKPB adalah untuk pastikan lebih ramai rakyat duduk di rumah.

"Sekiranya terpaksa keluar, sila pastikan prosedur operasi standard (SOP) diamalkan dengan jarak fizikal satu meter," kata beliau.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia




*Dikemas kini pada jam 7 petang 13 Oktober 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 16,220 kes kepada 16,880 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN: **16,880** PULIH: **11,372** ICU: **101** KEMATIAN: **163** KES BAHARU: **+660**



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

10



MEMERANGI WABAK COVID-19



RABU 14 OKTOBER 2020 • SINAR HARIAN

Kebanyakan peniaga ambil langkah tutup premis sepanjang PKPB

KOTA KINABALU

Suasana di pusat bandar Kota Kinabalu dan beberapa pekan di sekitarnya agak lengang dan kebanyakan peniaga serta pengusaha mengambil langkah untuk menutup premis masing-masing sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Terdapat beberapa premis yang masih beroperasi dilihat menempatkan kawalan dengan menempatkan pekerja di ruangan hadapan premis yang bertanggungjawab untuk memastikan pelanggan menjalankan pemeriksaan suhu dan mencatat nama pada buku yang disediakan atau menggunakan aplikasi MySejahtera.

Kota Kinabalu lengang

Selain itu, pergerakan kenderaan di sekitar jalan-jalan utama termasuk Jalan Tuaran Bypass dan Jalan Sulaman Kota Kinabalu juga tidak sibuk berbanding hari biasa.

Ekoran peningkatan kes Covid-19 secara mendadak di Sabah, PKPB telah dilaksanakan di seluruh Sabah berkuat kuasa semalam sehingga 26 Oktober ini.

Walaupun sepanjang PKPB ini kegiatan sektor ekonomi, industri dan perniagaan masih dibenarkan beroperasi seperti biasa, namun perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) ketat yang telah dan akan dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Namun, tinjauan *Bernama* di beberapa pekan kecil seperti di Mangatal, Telipok, Alam Mesra dan Sulaman menyaksikan banyak premis perniagaan yang telah ditutup.

Seorang peniaga, Amir, 52, berkata, walaupun ramai peniaga lain menutup kedai masing-masing, namun beliau masih membuka kedai seperti biasa kerana belum ada arahan wajib daripada pihak berkuasa untuk menutup premis perniagaan.

"Saya nampak banyak kedai ditutup dan saya difahamkan mereka tutup kedai sementara kerana takut dengan penularan mendadak kes Covid-19 di Sabah," katanya. - *Bernama*



Suasana jalan raya di dalam pusat bandar Kota Kinabalu agak lengang setelah PKPB mula dilaksanakan semalam.

Penumpang AirAsia KL-Labuan diminta buat saringan

LABUAN - Seramai 95 penumpang pesawat AirAsia AK5172 Kuala Lumpur-Labuan pada 6 Oktober lalu diminta untuk menjalani saringan Covid-19 selepas seorang penumpang diuji positif jangkitan virus itu, Ahad lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Labuan, Dr Ismuni Bohari berkata, semua penumpang penerbangan pada jam 7.20 pagi itu perlu menjalani ujian saringan.

Dalam pada itu, Dr Ismuni turut menggesa semua tetamu sebuah majlis perkahwinan di Dewan Konvensyen Financial Park Labuan (FPL) pada 3 Oktober lalu yang masih belum menjalani saringan supaya berbuat demikian kerana seorang daripada jemputan itu telah diuji positif jangkitan virus itu.

Lebih 200 orang yang menghadiri majlis perkahwinan itu telah menjalani ujian di Klinik Kesihatan Membeda tetapi masih belum memperoleh keputusan ujian tersebut.

Labuan kini mempunyai dua kluster iaitu Bah Bangat (bermula 8 Oktober) dengan sembilan pesakit termasuk seorang pelajar sekolah menengah serta Bah Bundle dengan lima pesakit masih dipantau di pusat pengasingan Hospital Labuan.

Dr Ismuni berkata, sebanyak 13,462 sampel telah diambil setakat Isnin lalu daripada orang ramai yang pulang dari Sabah sejak 26 September dan daripada jumlah itu, sebanyak 9,680 keputusan saringan telah dikeluarkan manakala 3,776 lagi masih menunggu keputusan. - *Bernama*

KAWASAN DILAPOR TERDAPAT KES COVID-19 DI SELURUH NEGARA

SEKOLAH

1. Sekolah Menengah Agama (SMA) Sultan Ismail, Dungun, Terengganu
2. Sekolah Kebangsaan (SK) Presint 8 (1), Putrajaya
3. SK Bangsar, Kuala Lumpur
4. Sri Kuala Lumpur, Subang Jaya, Selangor
5. Sri Sempurna International School, Kuala Lumpur
6. Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) Cina Jenjarom, Banting, Selangor
7. SM Bintulu, Sarawak
8. SK Mempagar, Beaufort, Sabah
9. SMK Seri Kembangan, Selangor
10. SK Bangsar, Kuala Lumpur
11. SMK Mutiara, Labuan
12. SK Bukit Kuda, Klang, Selangor
13. SMK King Edward VII, Taiping, Perak
14. SMK Johor Jaya 1, Johor Bahru, Johor
15. SMK Puchong Permai, Puchong, Selangor
16. SMJK Chong Hwa, Setapak, Kuala Lumpur

BISNES

1. The Machines, Mid Valley Mega Mall, Kuala Lumpur
2. Oasis Corporate Park, Petaling Jaya, Selangor
3. Restoran Sepoi-Sepoi, Avani Sepang, Selangor
4. Taman Amab Abadi, Kuching, Sarawak
5. Nando's, Palm Mall, Seremban, Negeri Sembilan
6. Tropicana Golf Club & Country Resort, Petaling Jaya, Selangor
7. IMU Chiropractic Centre, Bukit Jalil, Kuala Lumpur
8. Ong Tai Kim supermarket, Gombak, Selangor

RUMAH IBADAH

1. Masjid Kampung Paya Resak, Kuala Terengganu, Terengganu
2. Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang, Selangor
3. Masjid Dato' Klana Petra Lela Mohd Yusof, Sikamat, Negeri Sembilan

KEDIAMAN

1. Taman Puterajaya, Kota Kinabalu, Sabah
2. Residensi Bistaria, Ampang, Selangor
3. Taman Jaya, Alor Setar, Kedah
4. Kampung Padang Che Mas Dalam Wang, Baling, Kedah
5. Seri Mont Kiara, Kuala Lumpur
6. Taman Seri Keramat, Kuala Lumpur
7. Metropolitan Square, Petaling Jaya, Selangor
8. Desa Impiana, Puchong Prima, Puchong, Selangor
9. Puteri Palma Condominium, Seri Kembangan, Selangor
10. Abadi Indah Apartment, Kuala Lumpur

11. Mentari Court, Petaling Jaya, Selangor
12. Pangsapuri Bukit Kuda, Klang, Selangor
13. Riana Green East condominium, Kuala Lumpur
14. Menara Simfoni, Seri Kembangan, Selangor
15. Fadason Business Centre Apartment, Kepong, Kuala Lumpur
16. Pangsapuri Desa Lembah Permai, Ampang, Selangor

PUSAT BELI-BELAH

1. Damansara Mall, Petaling Jaya, Selangor
2. Mid Valley Mega Mall, Kuala Lumpur
3. Aeon Bukit Tinggi, Klang, Selangor
4. One Utama, Damansara Utama, Kuala Lumpur
5. Setia City Mall, Shah Alam, Selangor
6. Bangsar Shopping Centre, Kuala Lumpur
7. The Gardens Mall, Kuala Lumpur

BANK

1. Maybank Sri Damansara, Kuala Lumpur
2. MBSB Bank, Kuala Lumpur
3. Maybank Taman Johor Jaya, Johor Bahru, Johor
4. Maybank Port Dickson, Negeri Sembilan
5. Maybank One City, U.S.J, Subang, Selangor
6. Bank Islam Lahad Datu, Sabah

TAMAN ASUHAN KANAK-KANAK

1. IQ Care Centre, Seri Kembangan, Selangor
2. IQ Care Centre, Damansara Perdana, Petaling Jaya, Selangor

BANGUNAN KERAJAAN

1. Majlis Bandaraya Petaling Jaya
2. Istana Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah

PENGANGKUTAN AWAM

1. Nilai Sentral, Nilai, Negeri Sembilan
2. KLIA2, Sepang, Selangor
3. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak

PUSAT PERUBATAN/KLINIK

1. Hospital Queen Elizabeth II, Kota Kinabalu, Sabah
2. Klinik Menara, Bukit Jelutong, Shah Alam, Selangor

PEJABAT

1. Bangunan Malaysian Re, Kuala Lumpur
2. Keptayan Telekom Office, Kota Kinabalu, Sabah
3. Menara TM One, Damansara Kim, Kuala Lumpur
4. Pejabat Bersatu Larut, Perak

*Data dikumpul dari 8 hingga 12 Oktober 2020

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 28
 RUANGAN : NEGERI /KELANTAN

28



Sinar

NEGERI

• KELANTAN

RABU 14 OKTOBER 2020 • SINAR HARIAN

Kes denggi dijangka meningkat

Terdapat enam kes kematian akibat denggi dicatatkan di Kelantan pada tahun ini

Oleh ROSMIZA KASIM

KOTA BHARU

Jabatan Kesihatan Kelantan menjangkakan kes demam denggi di negeri ini akan terus bertambah sekiranya masyarakat tidak peduli untuk memastikan persekitaran rumah mereka bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes.

Pengarah negeri, Datuk Dr Zaini Hussin berkata, pada minggu (epid 41) sehingga 10 Oktober lalu sebanyak 26 kes

denggi dicatatkan berbanding minggu (epid 40) iaitu 25 kes yang mana ia meningkat satu kes ataupun empat peratus.

Menurutnya, di Kota Bharu menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu sebelumnya iaitu 14 kes pada minggu (epid 41) berbanding 10 kes minggu (epid 40) iaitu peningkatan empat kes ataupun 40 peratus.

"Kumulatif kejadian kes denggi di negeri Kelantan pada tahun ini menunjukkan penurunan sebanyak 21.93 peratus iaitu 3,714 kes berbanding 4,757 kes bagi tempoh yang sama tahun 2019.

"Terdapat enam kes kematian denggi dicatatkan pada tahun ini dan enam kematian tempoh yang sama pada tahun 2019," katanya dalam satu kenyataan di sini kelmarin.

Dr Zaini berkata, sebanyak

351 episod wabak denggi telah dilaporkan di negeri Kelantan berbanding 364 episod wabak denggi dalam tempoh yang sama tahun 2019.

Katanya, pada masa ini sebanyak empat lokaliti wabak denggi yang aktif di seluruh Kelantan.

"Peningkatan kes ini dijangka berterusan. Jabatan memandang berat serta menyeru seluruh lapisan masyarakat segera membuat pemeriksaan sendiri persekitaran rumah kediaman atau premis dengan memastikan tiada tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan luar rumah.

"Sehingga kini hasil peme-



DR ZAINI

riksaan pasukan kesihatan ke atas rumah kediaman adalah amat mengecewakan kerana masih terdapat banyak tempat pembiakan nyamuk aedes ditemui di sekitar dalam dan luar kediaman penduduk meskipun pelbagai usaha, hebahan dan peringatan diberi-

kan," katanya.

Menurutnya, hasil pemeriksaan pembiakan aedes ke atas 32,3198 premis atau rumah kediaman didapati sebanyak 13,999 premis mempunyai tempat pembiakan jentik-jentik.

"Jabatan juga telah mengeluarkan sebanyak 2,431 kompaun yang keseluruhannya ber-

nilai RM1.2 juta.

"Sebanyak 779 Notis Seksyen 8 telah dikeluarkan bagi arahan kerja pembersihan dan pemusnahan tempat berpotensi menjadi pembiakan aedes," katanya.

Dalam pada itu, Dr Zaini juga berharap seluruh masyarakat terutama di sekitar kawasan wabak sentiasa mengambil berat terhadap kebersihan sekeliling dan jadikan ianya sebagai tanggungjawab bersama agar kejadian demam denggi dapat dielakkan.

Di bawah Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSP) 1975 jika rumah kediaman seseorang itu berada di kawasan wabak denggi dan hasil pemeriksaan menjumpai pembiakan nyamuk aedes maka kompaun (saman) maksimum sebanyak RM500 akan dikeluarkan (tidak dibenarkan untuk rayuan pengurangan).

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : DALAM NEGERI

6

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 14 OKTOBER 2020

Dalam Negeri

Ca

Sabah catat kes paling tinggi

Oleh HASIF IDRIS
utusannews@mediamulla.com.my

PUTRAJAYA: Sabah mencatatkan peningkatan sebanyak 443 kes baharu Covid-19 melebihi daripada separuh kes baharu yang merekodkan 660 kes bagi seluruh negara.

Mengambil kira situasi kenaikan jumlah kes positif wabak tersebut, semua pengembara yang tiba dari Sabah wajib menjalani saringan kesihatan Covid-19 di pintu masuk antarabangsa dan domestik, diberikan Perintah Pengawasan dan Pemerhatian di rumah (HSO) selama 14 hari dari tarikh ketibaan, dipakaikan gelang serta perlu memantau kesihatan sendiri menggunakan Home Assessment Tool (HAT) dalam aplikasi MySejahtera.

Langkah itu bermula sejak 11 Oktober lalu sehingga satu tarikh yang akan diberitahu kelak dan situasi semasa berkaitan isu tersebut dipantau rapi oleh Kementerian Kesihatan dan sebarang perubahan akan dibentangkan kepada Majlis Keselamatan Negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sehingga kini terda-

“Sehingga hari ini, seramai 18,478 individu dengan sejarah perjalanan pulang dari Sabah disaring di semua pintu masuk antarabangsa dan domestik.”

DR. NOOR HISHAM ABDULLAH



pat 23 kluster di seluruh negara yang disebabkan oleh kes indeks pengunjung dengan sejarah perjalanan pulang dari Sabah.

“Walaupun Kementerian melaksanakan saringan Covid-19 kepada semua pengunjung dari Sabah sejak 27 September lalu dan mengeluarkan perintah HSO sehingga keputusan ujian negatif dimaklumkan, kes dan kluster berkaitan kelompok ini masih terus dilaporkan.

“Secara keseluruhannya sehingga hari ini, seramai 18,478 individu dengan sejarah perjalanan pulang dari negeri itu disaring di semua pintu masuk antarabangsa dan domestik,” katanya dalam sidang akhbar harian Covid-19 di sini semalam.

Beliau memaklumkan terdapat 394 kes positif melibatkan pengunjung dengan sejarah perjalanan tersebut sejak 22 September lalu.

Daripada jumlah itu, jelasnya, sebanyak 228 kes (57.9 peratus) merupakan pengunjung yang tiba sebelum 27 September lalu, manakala sebanyak 166 kes (42.1 peratus) lagi adalah dalam kalangan pengunjung yang tiba selepas tarikh tersebut.

Dalam perkembangan sama, Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak enam kluster baharu dilaporkan, dua kes import yang mendapat jangkitan dari India dan Nepal serta empat kematian direkodkan di Sabah sekali gus menjadikan jumlah kumulatif kes kematian Covid-19 adalah sebanyak 163 kes.

Katanya, empat kluster baharu berlaku di Sabah manakala masing-masing satu kluster di Selangor dan Pulau Pinang.

“Sebanyak tiga kluster di Sabah menyebabkan 14 kes dikesan positif Covid-19 iaitu masing-masing di Kluster Semarak dan Kluster Sabindo di Tawau serta Kluster Bina di Beaufort.

“Kluster Bestari di Sandakan (19); Kluster Bah Kenangan melibatkan daerah Hulu Langat, Selangor (18) dan Kluster Penjara Jawi di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang (3),” katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 6
 RUANGAN : NEW/STORY OF THE DAY

Medical staff from the Duchess of Kent Hospital conducting screening on Kampung Tinusa 2 residents in Sandakan yesterday. BERNAMA PIC



PANDEMIC WATCH

6 NEW CLUSTERS IN SABAH, SELANGOR AND PENANG

Nation records highest-ever daily recovered cases with 350 people, says Health D-G

KALBANA PERIMBANAYAGAM
 AND MOHAMED BASYIR
KUALA LUMPUR
 news@nstp.com.my

WHILE Malaysia recorded its highest-ever daily recovered cases from Covid-19 since the start of the pandemic with 350 people yesterday, six new Covid-19 clusters were detected in Sabah, Selangor and Penang.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the new number of discharges brought the country's total cumulative recovered cases to 11,372 (67.4 per cent of the total cases).

As for the new clusters, they were Semarak, Sabindo, Bina and Bestari clusters in Sabah, Bah Kenangan cluster (Selangor) and Jawi Prison cluster (Penang), he said.

"Fourteen people tested positive while five are awaiting results from the Semarak cluster. The Bina cluster recorded 14 cases, with 45 testing negative."

The Sabindo cluster recorded 14 new positive cases with 51 negative and 11 awaiting results.

Dr Noor Hisham said the Bestari cluster recorded 19 positive cases, Bah Kenangan cluster 18 and Jawi Prison three cases.

He said new cases linked to patients with a travel history to Sabah continued to rise, with 394 cases recorded involving those who returned from the state since Sept 22.

From the figure, 228 cases involved those arriving before Sept 27, while 166 cases involved those arriving after Sept 27.

"Up to today (yesterday), 23 clusters were linked to returnees from Sabah."

He said all returnees from Sabah would have to undergo compulsory screening at the international and domestic entry points, where they would be issued the 14-day Home Surveillance Order, instructed to wear a wristband and have their health monitored via the Home Assessment Tool of the MySejahtera application.

A total of 660 new Covid-19 cases were reported yesterday,

bringing the total number of cases to 16,880.

Dr Noor Hisham said 5,345 were active cases, with 658 local transmissions and two imported.

"One of the imported cases involved an Indian national who was detected in Labuan and another involved a Nepalese who was detected in Kuala Lumpur."

Sabah recorded the highest number of cases with 443 cases followed by Selangor (76), Kedah (60), Penang (23), Federal Territory of Labuan (19), Perak (16), Johor (10), Federal Territory of Kuala Lumpur (10), Negri Sembilan (two) and Pahang (one).

Dr Noor Hisham said 19 police personnel from the Cheras district police headquarters tested positive for Covid-19.

He said the new cases were identified following a pre-operation screening on the index case.

"The index case (Case 14,312) from the Baiduri cluster tested positive for Covid-19 on Oct 7 and is receiving treatment at Sungai Buloh Hospital.

"The Health Ministry activated immediate close contact tracing and found 18 more police personnel from the district headquarters testing positive."

Dr Noor Hisham said all 49 close contacts of the index case

had been tested and contact tracing in the community was ongoing.

"We are investigating the cause of the infection in this cluster."

Four more deaths were reported to the National Crisis Preparedness and Response Centre up to noon yesterday, bringing the death toll to 163, or one per cent of the total cases.

Two deaths were reported at Duchess of Kent Hospital in Sandakan involving a woman, 84, and a man, 83, who suffered from high blood pressure and dyslipidemia. The man also reportedly had diabetes.

Another death involved a woman, 36, at Semporna Hospital who was receiving treatment for tuberculosis, while the fourth death involved a man, 59, at Tawau Hospital with chronic kidney disease.

Dr Noor Hisham cautioned people about leaving their homes prior to the implementation of the Conditional Movement Control Order (at midnight last night) as they could risk infecting others at their hometown.

"By doing so, you may put your elders at risk of infection.

"It is better that you remain where you are and avoid leaving your house unless you have something important to do."

AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

8 straight days of record high cases

PETALING JAYA: An alarming 660 new positive Covid-19 cases were reported as of noon yesterday, making it eight straight days of record high numbers. This brings the total active cases in the country to 5,345.

Of the new positive cases, 658 were domestic infections involving 618 locals and 40 non-citizens, Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said at a media conference yesterday.

A total of 443 cases were reported

► A total of 658 of the 660 new Covid-19 cases reported yesterday were local infections

in Sabah and 76 in Selangor. Kedah had 60 cases from the Tembok Cluster, Penang (23), Federal Territory of Labuan (19), Perak (16), Johor (10), Kuala Lumpur (10), Negri Sembilan (two) and Pahang (One).

Two imported cases involved

non-citizens who were infected abroad, one from India which was reported in Labuan and the other from Nepal, recorded in Kuala Lumpur, Noor Hisham said.

There were four fatalities yesterday, taking the cumulative death toll to 163.

Noor Hisham said 350 individuals had recovered, bringing the total discharged to 11,372.

Six more new clusters were found yesterday, involving four in Sabah and one each in Selangor and Penang. The new clusters bring the total active clusters nationwide to 70, he added.

Clusters identified in Sabah are the Semarak, Bina, Sabindo, and Bestari, while in Selangor, it is the Bah Kenangan cluster, and in Penang, the

Penjara Jawi cluster.

The Semarak cluster was identified in Tawau district. Its index case (case 12,200) tested positive on Oct 3 and was admitted to the Queen Elizabeth Hospital. Close contact screenings found 13 more positive cases, Noor Hisham disclosed.

Commenting on the Bina cluster identified in Beaufort, Sabah, he said the index case for the cluster tested positive during admission screening at Sipitang Hospital on Oct 10.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

THE STAR, WEDNESDAY 14 OCTOBER 2020

Nation 5

M'sia gets vaccine priority

China FM: Decision to accord status due to long, traditional ties

PUTRAJAYA: Malaysia will be given priority recipient status for Chinese-produced Covid-19 vaccines once the country finishes developing them, says Foreign Minister Datuk Seri Hishammuddin Hussein.

His China counterpart Wang Yi said the decision to accord Malaysia the priority status on the vaccines was due to the long and traditional friendship of the two nations.

Hishammuddin said the country was appreciative of China's commitment to prioritise Malaysia in the development of the Covid-19 vaccine.

"On Covid-19 vaccine development, we welcome and appreciate China's commitment in providing Malaysia with Chinese-produced Covid-19 vaccines, once successfully developed, and listing Malaysia as a priority recipient.

"We welcome China's agreement to encourage Chinese enterprises to establish all-round cooperation with Malaysian partners in vaccine research and development, and dis-



tribution," Hishammuddin said during a joint press conference with Wang here.

The minister was speaking after a bilateral meeting with Wang at a hotel in Kuala Lumpur. Prior to that, the two top diplomats were engaged in a face-to-face talk.

Wang, who is also China's State Councillor, said Malaysia is a good friend of China.

"We enjoy a traditional friendship. If Malaysia needs the vaccine, we are open to that and we stand ready to pursue detailed consultation on this collaboration," Wang said.

He also said China was progressing well with its development of

Covid-19 vaccines.

"Right now, there are eight vaccines in the world that are currently under the third phase of clinical trials.

"Four of them are being developed by China," added the Chinese diplomat.

At the meeting, both countries had agreed to a memorandum of understanding (MoU) on cooperation in the post-Covid-19 era.

A high-level committee on post-Covid-19 cooperation, set to be co-chaired by the two ministers, will also be established.

On the Reciprocal Green Lane (RGL) project, Hishammuddin said both countries would only launch it when the situation was safe.

"We agreed to continue discussions for cross-border movements for business and official travel.

"While the pandemic still sees no end, it is important for us to plan and discuss early.

"Therefore, we will jointly launch the RGL once the situation permits

for both countries to do so," he added.

The bilateral meeting also discussed palm oil trade, food security and the Belt and Road Initiative.

On the South China Sea issue, the two countries agreed that maintaining peace and stability in the region was of utmost importance.

"Disputes should be addressed through peaceful means, including through regional dialogues and discussions among the parties concerned, without resorting to threat or the use of force," said Hishammuddin.

Wang is on a visit to Malaysia as part of a South-East Asian tour.

After the meeting, Wang left for Singapore and is scheduled to visit Laos and Thailand after that.

His last visit to Malaysia was in 2018.

Watch the video
TheStarTV.com



PM: It will cost RM600mil to source vaccine under Covax

PETALING JAYA: It will cost Malaysia about RM600mil to source about three million doses of vaccine under the Covid-19 Vaccine Global Access (Covax), says Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"We need to pay RM42mil just to join the Covax plan.

"When we become a member, we will be bonded to purchase the vaccines at a cost of RM600mil, which is a large sum of money," he said in a press conference yesterday.

According to a website by Gavi (the Vaccine Alliance), Covax is the vaccines pillar of the Access to Covid-19 Tools (ACT) Accelerator.

"This involves coordinating the Covax Facility, a global risk-sharing mechanism for pooled procurement and equitable distribution of eventual Covid-19 vaccines," the website said.

Muhyiddin said he had agreed to join the Covax plan but had directed Science, Technology and Innovation Minister Khairy Jamaluddin to further negotiate on the vaccine cost once it becomes available to about 10% of the nation's population.

The Prime Minister also noted that Malaysia's participation in Covax would not prevent Malaysia from obtaining Covid-19 vaccines from other sources such as China.

On another matter, Muhyiddin brushed aside talk that he had been evading the media since becoming Prime Minister in March.

"In the past, I have taken a few questions from the media but since I became Prime Minister, I wanted to focus more on the issues the country is facing," he said.

'Sabah returnees must serve 14-day home quarantine'

By JOSEPH KAOS Jr
and RASHVINJEET S. BEDI
newsdesk@thestar.com.my

PUTRAJAYA: Those returning from Sabah must undergo 14 days of home quarantine even if they tested negative for Covid-19, says Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The Health director-general said this was because the number of cases involving Sabah returnees continued to rise despite the Health Ministry's screening and plea for self-regulation.

"Even though the Health Ministry has screened individuals who had arrived from Sabah from Sept 27 and issued the Home Surveillance Order (HSO) to them until their tests

show negative, new cases and Covid-19 clusters related to this group continue to rise.

"To solve this issue, and considering the rise in Sabah cases, all arrivals from the state must be screened for Covid-19 and put under HSO for 14 days from their arrival date.

"They must put on a wristband and must self-regulate using the Home Assessment Tool in the MySejahtera app," he said.

Previously, returnees from Sabah who are asymptomatic and have had no contact with any Covid-19 positive cases can be free from quarantine once they tested negative.

However, those who tested negative but are close contacts of Covid-19 patients or have symptoms have

to undergo quarantine.

Dr Noor Hisham said up to yesterday, 394 Covid-19 cases in the country were attributed to individuals with recent travel history to Sabah since Sept 22.

In the same period, a total of 18,748 individuals who had returned from the state had been screened for Covid-19.

"Out of the total 394 cases, 228 or 57.9% involved individuals who had travelled to Sabah before Sept 27. The remaining 166 cases or 42.1% are those who returned after Sept 27," he said, adding that up till yesterday, 23 of the Covid-19 clusters in the country originated from index cases who travelled to Sabah recently.

Earlier, Dr Noor Hisham confirmed 660 new infections in the country, the second highest daily figure since the outbreak began and Sabah continued to record the highest with 443 cases, followed by Selangor with 76 and Kedah with 60 new cases.

Six new clusters have been detected with four in Sabah and one each in Selangor and Penang.

The Semarak and Sabindo clusters in Tawau reported 14 new positive cases respectively while the Bina cluster in Beaufort 14 and the Bestari cluster in Sandakan 19.

In the Penang's Penjara Jawi cluster, three individuals tested positive so far, with all them not showing any symptoms.